

19/11/1999

Tok Mat rela kerana sudah janji

KUALA LUMPUR, Khamis - Bekas Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, tidak kecewa apabila tidak dicalonkan semula bagi kawasan Parlimen Pulau yang dikuasainya sejak 30 tahun lalu.

Setiausaha Agung Barisan Nasional itu ketika ditemui di sini hari ini, berkata beliau memang menjangka tidak akan dicalonkan semula kerana itu memang sudah menjadi perjanjiannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sejak lima bulan lalu.

"Saya merelakan keputusan ini kerana ia memang menjadi janji saya kepada Perdana Menteri lima bulan lalu. Saya tidak kecewa, malah agak gembira dan lega kerana kini sudah tidak ada lagi beban berat yang perlu ditanggung.

"Tetapi yang mungkin sukar untuk menerima hakikat ini ialah penyokong saya yang memberi sokongan padu kepada saya sejak saya menjadi Ahli Parlimen 30 tahun lalu.

"Saya tidak tahu bagaimana untuk menjelaskan kedudukan saya kepada mereka. Tetapi berharap mereka dapat menerima keputusan ini dengan hati terbuka dan memberi sokongan padu kepada Datuk Abdul Kadir Annuar yang menggantikan saya di Pulau," katanya.

Mohamed yang dikenali sebagai Tok Mat di kalangan pemberita, kelihatan ceria dan seperti biasa dengan senang hati ditemu ramah.

Beliau berkata, selepas 30 tahun berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Pulau, memang sudah kena masanya untuk beliau mengundur diri.

"Saya menjadi Ahli Parlimen Pulau sejak berusia 28 tahun lagi iaitu ahli Parlimen paling muda pada pilihan raya 1969. Selepas tujuh penggal dan 30 tahun berkhidmat sebagai Ahli Parlimen biarlah saya mengundur diri," katanya.

Mohamed menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan pada 1969 sebelum dilantik sebagai Timbalan Menteri Kewangan pada 1973, kemudian Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri pada 1978.

Beliau dilantik sebagai Menteri Penerangan pada 1978-1982, sebelum digugurkan daripada barisan Kabinet selepas pilihan raya 1982 dan dilantik sebagai duta bertaraf menteri ke Indonesia sehingga 1984.

Mengenai rancangan masa depannya, Mohamed berkata beliau yang juga sebagai pengarah operasi pilihan raya kawasan Parlimen Pulau akan turut membantu calon BN di kawasan berkenaan.

(END)